

# Ⓟ Beri pelepasan hutang: P M

KUALA LUMPUR, Rabu — Negara yang sedia melaksanakan nembaharuan ekonomi perlu diberi pelepasan hutang selaniutnya bagi membolehkan mereka mengembangkan potensi eksport, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menurut Perdana Menteri, tekanan hutang menyebabkan negara membangun gagal melaksanakan program penyesuaian serta mengurangkan keupayaan mereka menarik pelabur asing.

“Penyelesaian masalah hutang secara berkesan memerlukan suasana perdagangan antarabangsa yang bebas bagi membolehkan negara membangun menggunakan sepenuhnya potensi eksport mereka.

“Negara maju juga patut melaksanakan dasar pembaharuan struktural dan ekonomi makro untuk mengekalkan pertumbuhan dengan kadar inflasi dan faedah rendah.” katanya.

Berucap merasmikan Persidangan Gabenor Bank Pusat Asia Tenggara (SEACEN) ke-27 di sini hari ini, beliau berkata kebelakangan ini wujud kebimbangan di kalangan negara maju dan membangun mengenai kemungkinan kekurangan simpanan wang.

Perdana Menteri berkata, permintaan pinjaman akan meningkat di kalangan negara Eropah Timur melaksanakan pembaharuan struktur ekonomi dan pembinaan semula

Iraq dan Kuwait.

Penyatuan ekonomi di Jerman, masalah hutang negara membangun dan pembaharuan yang berlaku di Russia dijangka meningkatkan permintaan pinjaman.

Beliau berkata, faktor itu dan juga permintaan pelaburan negara maju untuk meningkatkan produktiviti mereka akan menyebabkan tekanan terhadap kadar faedah pinjaman antarabangsa dalam jangka panjang.